

PANDUAN PERMOHONAN **ORANG KOMPETEN** **MENGENDALIKAN** **LEBIH DARI SATU** **PEPASANGAN**



KAWALAN DOKUMEN

VERSI	TARIKH SEMAKAN	SEMAKAN OLEH	ORGANISASI
Edisi Pertama	Ogos 2024	Jabatan Kawal Selia Keselamatan	Suruhanjaya Tenaga
Edisi Kedua	Januari 2025	Jabatan Kawal Selia Keselamatan	Suruhanjaya Tenaga

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	2
4.0	SENARAI DOKUMEN PERMOHONAN	5
5.0	PROSEDUR PERMOHONAN	5
	LAMPIRAN 1	6
	LAMPIRAN 2	7

1.0 TUJUAN

Panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan prosidur permohonan orang kompeten mengendalikan lebih daripada satu pemasangan di bawah majikan yang sama.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan industri elektrik dan pembangunan kapasiti solar di negara ini, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil inisiatif untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan ianya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi memenuhi keperluan semasa industri dan dalam masa yang sama dapat memastikan keselamatan terjamin.
- 2.2 Peruntukan ini adalah selaras dengan kuasa ST di bawah Peraturan 63(3), Peraturan - Peraturan Elektrik 1994 yang menyatakan bahawa "Seseorang, yang memegang satu atau lebih Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini, tidak boleh mendaftar atau dibenarkan mendaftar perakuan atau perakuan-perakuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan lebih daripada satu majikan atau pemasangan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Suruhanjaya.".
- 2.3 Panduan ini merangkumi permohonan seperti di bawah iaitu:
 - 2.3.1 Pengendalian pemasangan elektrik sahaja;
 - 2.3.2 Pengendalian pemasangan solar sahaja;
 - 2.3.3 Kombinasi pengendalian pemasangan elektrik dan solar; dan
 - 2.3.4 Pengendalian pemasangan beroperasi tidak sepenuh masa
- 2.4 Sehubungan dengan itu, pembangunan panduan ini dapat dijadikan sebagai panduan mengenai prosedur permohonan serta penyediaan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan kepada ST sebelum sebarang kelulusan diberikan.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3.1 Sebelum permohonan dilakukan, pemohon perlulah mematuhi syarat-syarat utama yang telah ditetapkan seperti Rajah A sekiranya orang kompeten akan mengendalikan beberapa pemasangan.




Rajah A: Syarat-Syarat Utama

3.2 Selain daripada syarat-syarat utama di atas, permohonan orang kompeten untuk mengendalikan beberapa pemasangan elektrik, selain solar perlu turut mematuhi syarat-syarat seperti Rajah B.


3.2.1 Pemasangan elektrik yang dimaksudkan di 3.2 adalah:


- (i) Pemasangan terpasang janakuasa tunggu sedia untuk membekal tenaga sekiranya terputus sumber tenaga utama daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan; atau
- (ii) Pemasangan yang menerima tenaga daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pada voltan 11kV atau lebih.



Rajah B: Syarat-syarat Permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Beberapa Pemasangan Elektrik

3.3 Manakala, permohonan orang kompeten untuk mengendalikan pemasangan solar selain Large Scale Solar (LSS), yang dipasang di atas premis lain, pemohon perlu turut mematuhi syarat-syarat seperti Rajah C.





Rajah C: Syarat-syarat Permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Beberapa Pemasangan Solar (selain LSS)

- 3.4 ST mempertimbangkan permohonan orang kompeten mengendalikan kombinasi beberapa pemasangan elektrik dan pemasangan solar (selain LSS) dan permohonan orang kompeten mengendalikan beberapa pemasangan elektrik yang beroperasi tidak sepenuh masa dengan syarat-syarat tambahan seperti berikut:
- 3.4.1 Syarat Tambahan bagi Orang Kompeten Mengendalikan Kombinasi Beberapa Pemasangan Elektrik dan Pemasangan Solar (selain LSS):
- (i) Seorang orang kompeten hanya dibenarkan untuk mengendalikan tidak lebih daripada 3 pemasangan elektrik dan 3 pemasangan solar); dan
 - (ii) Orang kompeten menjaga pemasangan solar dan pemasangan elektrik di premis di mana solar ditempatkan.
- 3.4.2 Syarat Tambahan bagi Orang Kompeten Mengendalikan Pemasangan Elektrik Beroperasi Tidak Sepenuh Masa:
- (i) Orang kompeten perlu berada di pemasangan elektrik tersebut sepanjang masa sekiranya premis digunakan; dan
 - (ii) Walaupun premis tidak beroperasi, orang kompeten perlu hadir ke pemasangan secara berkala bagi memastikan pemasangan sentiasa berada dalam keadaan baik.
- 3.5 Pemasangan elektrik yang beroperasi tidak sepenuh masa yang dimaksudkan di 3.4 adalah pemasangan elektrik yang hanya bertenaga (*energized*)/ digunakan apabila perlu seperti pusat latihan.

4.0 SENARAI DOKUMEN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi di alamat seperti berikut:

**Pengarah
Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga
No. 12, Jalan Tun Hussein
Presint 2, 62100 Putrajaya
Malaysia**

atau emel kepada:


kompetenadm@st.gov.my

- 4.2 Pemohon perlu mengemukakan maklumat/ dokumen sokongan berdasarkan kategori yang dimohon seperti pada Para 3.0 Syarat-Syarat Permohonan.
- 4.3 Sila rujuk kepada Senarai Semak Dokumen Permohonan di Lampiran 2.
- 4.4 ST boleh pada bila-bila masa mengubah, meminda dan membatalkan Panduan ini.

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat – syarat kelayakan permohonan sebelum membuat sebarang permohonan. Prosedur permohonan dan kelulusan adalah seperti pada Lampiran 1.
- 5.2 Pemakluman keputusan kepada pemohon dalam tempoh 21 hari bekerja setelah dokumen lengkap diterima.
- 5.3 Namun begitu, kelulusan akhir adalah tertakluk kepada pertimbangan ST.

Lampiran 1 – Carta Alir Permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Lebih dari Satu Pemasangan





SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN

Nama Syarikat	:	
Alamat	:	
Tarikh Permohonan	:	
Jenis Permohonan	:	<input type="checkbox"/> Pemasangan Elektrik Sahaja <input type="checkbox"/> Pemasangan Solar Sahaja <input type="checkbox"/> Pemasangan Elektrik & Solar <input type="checkbox"/> Pemasangan Beroperasi Tidak Sepenuh Masa
Rujukan fail	:	

SENARAI SEMAK:

Bil.	Penerangan senarai semak	Pematuhan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
1.	Surat Permohonan daripada Pemunya/Pemilik/Pihak Pengurusan/ <i>Investor</i> pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Latar Belakang Syarikat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera & Jurutera Elektrik Kompeten/ Penyelia Elektrik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Pendaftaran orang kompeten di pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Senarai semua orang kompeten yang dilantik di pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pelan lokasi pemasangan/ google maps berserta jarak di antara satu pemasangan ke satu pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Surat Pengesyoran Jurutera Elektrik Kompeten/ Penyelia Elektrik yang telah dilantik berkenaan pelantikan orang kompeten untuk mengendalikan beberapa pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Dokumen sokongan yang menunjukkan semua pemasangan di bawah pengurusan yang sama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Skop kerja orang kompeten yang telah dilantik, yang jelas termasuk pemasangan yang ditugaskan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Inisiatif-inisiatif syarikat dalam melantik orang kompeten bagi mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE 1990) dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (PPE 1994).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Justifikasi terperinci yang membuktikan bahawa pihak tuan/puan mampu menjamin keselamatan pemasangan elektrik dan solar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Slaid pembentangan mengenai skop permohonan & justifikasi berkaitan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Perakuan pendaftaran pemasangan elektrik (Borang B) atau Lesen Pemasangan elektrik di bangunan. (<i>pepasangan elektrik sahaja</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Single Line Diagram bagi pemasangan elektrik. (Existing MSB)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Sijil (sekiranya ada) bagi program solar berkaitan. (<i>pepasangan solar sahaja</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil.	Penerangan senarai semak	Pematuhan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
16.	Single Line Diagram bagi pemasangan solar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17.	Ciri-ciri keselamatan seperti online monitoring and remote system, jenis Protection System sekiranya berlaku kecemasan. <i>(pemasangan solar sahaja)</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18.	Spesifikasi Inverter yang digunakan. <i>(pemasangan solar sahaja)</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
19.	Perakuan Pendaftaran ST (Borang Q) bagi Kontraktor Elektrik yang menjalankan Operation & Maintenance. <i>(pemasangan solar sahaja)</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



SURUHANJAYA TENAGA (*ENERGY COMMISSION*)

NO. 12, JALAN TUN HUSSEIN, PRECINCT 2,
62100 PUTRAJAYA MALAYSIA



(603) 8870 8500



www.st.gov.my

THINK **SAFETY**, THINK **ST**